

# Dr. : Contohi sikap kontraktor asing

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru kontraktor-kontraktor tempatan mencontohi sistem pembinaan luar negeri seperti yang ditunjukkan oleh kontraktor-kontraktor Projek Dayabumi, untuk membolehkan mereka menjimatkan masa dan perbelanjaan.

Perdana Menteri berkata hari ini, cuma beberapa kontraktor tempatan dapat menyiapkan sesuatu projek mengikut jadual.

"Belah dikatakan kebanyakan perkara berkaitan dengan sektor pembinaan di sini tinggi kosnya dan kelewatan akan meninggikan perbelanjaan," katanya.

Bellau menyebut kelewatan selama lima tahun untuk projek Pelabuhan Kuantan sebagai contoh setakat mana seseorang itu boleh rugi.

"Kalau kita membuat perkiraan berkenaan faedah yang mesti dibayar ke atas pinjaman dan kerugian pendapatan, kita akan menyedari betapa perlunya sesuatu projek itu disiapkan mengikut jadual," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

## 22 hari awal

Perdana Menteri melawat kawasan Projek Dayabumi untuk kali ketiga. Bellau melawat kawasan pembinaan selama lebih kurang 45 minit, sebelum menghadiri taklimat selama dua jam.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Enck Clarence Mansul; Pengerusi UDA, Tan Sri Zaiton Ibrahim; Ketua Pengarahnya, Enck Ahmad Khairumuzammil Yusof; dan Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, Enck Hussein Mahmood. Taklimat diberikan oleh Enck Khairumuzammil.

Pembinaan bangunan menara 23 tingkat sekarang 22 hari awal dari jadual, sementara pembinaan podium pula 43 hari lebih awal. Dua kumpulan Jepun — Takenaka Komuten Construction Group dan Kumagai Gumi Construction Group — bertanggungjawab membina kedua-dua bangunan ini.

Bagaimanapun, pembinaan bangunan sembilan tingkat untuk Pejabat Pos Besar dan Ibu Pejabat Pos oleh Syarikat Laitman-Faylin, terlewat lebih kurang dua bulan Menurut jadual, bangunan ini sepatutnya siap April depan. Seorang pegawai berkata, kontraktor berkenaan akan cuba menyalipkan enam tingkat pertama untuk Pejabat Pos Besar terlebih dulu.

Bila ditanya mengenai kelewatan ini, Perdana Menteri menjawab "Mereka tertinggal beberapa kali walaupun diberi lanjutan masa. Saya tidak mahu berkata lebih dari ini kerana ia mungkin menjejaskan masa depan syarikat itu.

"Mungkin mereka tidak faham kerumitan pembinaan bangunan itu tetapi mereka memang menghadapi beberapa masalah."

Dipercayai, kelewatan pembinaan kompleks Pos itu disebabkan pengubah-suailan yang terpaksa dibuat dalam pelan asal. Ia terpaksa dilaksanakan kerana satu bahagian ruang atas lebih panjang daripada yang biasa dibina di bangunan-bangunan lain.



BEGINILAH keadaan kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), K. D. Raja Jarom selepas ia terlibat dalam perlanggaran dengan sebuah kapal tangki Jepun di Buffalo Rock, di selatan Singapura, malam Ahad lalu.

Dua Bentara Muda TLDM terbunuh sementara seorang lagi dilaporkan hilang dalam nahas ini.

K. D. Raja Jarom seberat 4,080 tan rosak teruk bahagian kanannya. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia